

# PM mahu Gabem pantau pencapaian Bumiputera

BH- 2/12/2007

## Peniaga Melayu disaran rebut peluang dalam koridor ekonomi

Oleh Misiah Taib  
dan Badrul Hizar Ab Jabar

**M**ELAKA: Datuk Seri Abdulah Ahimad Badawi mahu Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) bukan hanya berfungsi meningkatkan permuafakatan antara persatuan ekonomi Melayu, tetapi sebagai pemantau dan penggerak orang Melayu dalam sektor perniagaan, terutama dalam koridor pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri berkata, banyak peluang disediakan kerajaan untuk peniaga Melayu, tetapi ada kalanya kejayaan dicapai sangat sedikit disebabkan berlaku ketirisan dalam pemberian kontrak, lesen atau permit yang diberikan kepada pihak lain.

Katanya, Gabem tidak semestinya melaksanakan projek besar dan bersaing dengan kerajaan, sebaliknya menumpukan kepada bantuan kepada peniaga Melayu dengan melihat cara mereka berniaga, menilai mengapa perniagaan tidak maju atau masalah mereka.

"Gabem perlu bertindak sebagai perunding atau pemantau bagi mem-

bolehkan kejayaan lebih besar dicapai peniaga Melayu dan Bumiputera.

"Peluang baru diwujudkan, terutama di kawasan pembangunan koridor ekonomi di utara, timur, selatan dan tidak lama lagi di Sabah dan Sarawak.

"Mereka (peniaga Melayu) harus melihat peluang ini sebagai jaminan untuk memperoleh kejayaan kerana bagi saya, tidak ada sebab seseorang peniaga melepaskan peluang di depan mata berikutan masalah keti-

**“ Gabem perlu bertindak sebagai perunding atau pemantau bagi membolehkan kejayaan lebih besar dicapai peniaga Melayu ”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

dakupayaan, kekurangan modal atau pekerja,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Serentak Majlis Gabem Negeri-Negeri Wilayah Selatan dan Wilayah Persekutuan di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) Ayer Keroh di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam; Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Zulhasnan Rafique dan Pengerusi Gabem, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Pada majlis itu juga Perdana Menteri yang juga Penaung Gabem turut menyampaikan watakah pelantikan kepada penaung, penasihat dan pengerusi Gabem negeri, selain menyaksikan Pertukaran Dokumen Perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) antara Gabem dengan Telekom Malaysia Bhd dan Hadhari Holdings Berhad.

Sementara itu, Abdullah meminta peniaga Melayu yang menghadapi ketidakupayaan, kekurangan modal

atau pekerja menjadikannya sebagai cabaran kerana kerajaan memberi jaminan akan membantu peniaga Melayu dengan bersungguh-sungguh untuk menjadikan mereka lebih berdaya saing.

Selain itu, Perdana Menteri juga mahu peniaga Melayu menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam menghasilkan sesuatu produk supaya dapat dipasarkan ke peringkat antarabangsa.

"Kita (kerajaan) tahu semua orang mahu jadi kaya.... tapi tidak ada keupayaan. Perkara inilah yang seharusnya menjadi sasaran Gabem untuk bantu peniaga Melayu, manakala kerajaan pula membantu dari segi kemudahan latihan.

"Lihat saja industri batik suatu ketika dulu yang tidak ada nilai selain tidak mendapat sambutan sehingga menjadikan pengusaha batik di Kelantan pening kepala.

"Kini, apabila kerajaan menukar pendekatan batik dengan menghasilkannya menggunakan kain serta warna bermutu tinggi, ia mendapat sambutan sehinggakan pereka fesyen terkenal juga mengusahakannya," katanya.